
GAYA PENGAJARAN GURU, PENCAPAIAN KURIKULUM AL-SYARIAH BERSEPADU DINI DAN HUBUNGANNYA DENGAN AKHLAK PELAJAR

Nurul Osman bin Samurah¹, Siti Nabilah binti Che Soh²

¹ Akademi Pengajian Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, JohorBahru, Johor, Malaysia

E-mail: osemansam@gmail.com

² Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Johor

E-mail: nabilahchesoh87@gmail.com

Abstract

To produce a generation of pious Muslims with noble morals is the responsibility of various parties, especially teachers who impart knowledge during learning sessions in the classroom. This study aims to identify the relationship between teachers' teaching styles and the level of student achievement in the Early Integrated al-Syariah Curriculum. The study also examines the relationship between the level of achievement of the Early Integrated al-Syariah Curriculum with student morals. This quantitative study involved 277 Form four students from five religious secondary schools in Johor. This study also uses a questionnaire instrument that contains items related to teachers' teaching style, the level of achievement of the Early Integrated al-Syariah curriculum, and the formation of students' morals using the Likert scale measurement. Analysis of the study using a One-Way ANOVA test showed that there was a significant relationship between teachers' teaching style ($p < 0.001$) and student morale ($p = 0.002$) with the level of student achievement in the Early Integrated al-Syariah Curriculum. The analysis using Simple Linear Regression found a significant relationship between teachers' delivery style and student morale ($p < 0.001$). The study found that the elements of an exciting teaching style, clear presentation, field expertise, motivation, and an educating teaching style should be present in delivering knowledge and forming student morals.

Keywords : *teaching style; Student's morals; the level of achievement of the Early Intergrated al-Syariah Curriculum*

Abstrak

Melahirkan generasi Islam yang bertaqwa dan berakhlak yang mulia adalah menjadi tanggungjawab yang wajib dilakukan oleh pelbagai pihak terutama guru yang menyampaikan ilmu semasa sesi pembelajaran di dalam bilik darjah. Kajian ini bertujuan mengenalpasti perkaitan antara gaya pengajaran guru dengan tahap pencapaian pelajar dalam Kurikulum al-Syariah Bersepadu Dini kajian juga mengkaji perhubungan tahap pencapaian Kurikulum al-Syariah Bersepadu Dini dengan akhlak pelajar. Kajian kuantitatif ini melibatkan 277 responden yang terdiri daripada pelajar tingkatan empat di 5 buah sekolah menengah agama di negeri Johor. Kajian ini juga menggunakan instrument soal selidik yang mengandungi item berkaitan gaya pengajaran guru, tahap pencapaian kurikulum al-Syariah Bersepadu Dini serta pembentukan akhlak pelajar menggunakan pengukuran berskala Likert. Analisis kajian menggunakan ujian One-Way ANOVA menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara gaya pengajaran guru ($p < 0.001$) dan akhlak pelajar ($p = 0.002$) dengan tahap pencapaian pelajar dalam Kurikulum al-Syariah Bersepadu Dini. Hasil analisis menggunakan Simple Linear Regression pula mendapati terdapat perkaitan yang signifikan antara gaya penyampaian guru dengan akhlak pelajar ($p < 0.001$). Kajian mendapati elemen gaya pengajaran yang menarik,

penyampaian yang jelas, mempunyai kepakaran bidang, bermotivasi dan mempunyai gaya pengajaran yang mendidik perlu ada dalam penyampaian ilmu dan pembentukan akhlak pelajar.

Kata Kunci: Gaya pengajaran guru, Kurikulum al-Syariah Dini, Akhlak pelajar

I. PENDAHULUAN

Cabaran dalam abad ke-21, keterbukaan dan kecanggihan teknologi dalam dunia tanpa sempadan pada masa kini menyebabkan akses remaja kepada maklumat amat mudah dan sangat pantas. Cabaran yang besar dalam menangani masalah gejala sosial dan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja amat mengugurkan sejak sekian lama (Hassan Langgung, 1977). Menurut Zakaria Stapa et al. (2012), masyarakat hari ini tenggelam dengan arus kemodenan dan telah menyaksikan sejumlah anggota masyarakat menjadi hilang jati diri. Hanya benteng agama yang kukuh mampu melawan badai kebejatan masalah sosial yang melanda (Fauziah et al. (2012). Selain itu, kegusaran di peringkat kerajaan juga terjadi dalam merangka pembangunan akhlak remaja masa kini kian mencabar (Mohd Musnizam et al. 2012). Sikap saling menuding jari yang berlaku dalam sesetengah kelompok juga telah menjadi barah dan tidak membawa penyelesaian kepada masalah remaja ini (Asmawati, 2010).

II. LITERATURE REVIEW

Kajian lepas yang berdasarkan kenyataan fakta, teori, pendapat, penilaian dan laporan yang telah dilakukan terdahulu adalah penting sebagai sokongan dalam penyelidikan. Ia juga sebagai bukti yang meneguhkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Menurut Mokhtar & Chua (2011) mengatakan sorotan kajian yang diketengahkan mampu menjadi panduan dalam menjalankan kajian seperti mengenalpasti teori dasar dalam penyelidikan, maklumat sampel kajian, kaedah analisis data dan sebagainya. Ia juga dapat membuktikan kesesuaian penggunaan teori dalam kajian penyelidikan dan menafikan teori ciptaan oleh penyelidik sendiri (Najib, 1999). Kajian-kajian lepas ini didapati melalui sumber daripada artikel, jurnal, buku pendidikan, tesis penyelidikan lain dan sebagainya

Pada bahagian ini, pengkaji akan membincangkan beberapa kajian lepas yang berkait rapat dengan gaya pengajaran guru sama ada di dalam atau luar negara. Berdasarkan hasil penelitian

dan pembacaan dalam tempoh kajian ini dijalankan, Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik untuk mengenal pasti gaya pengajaran guru di dalam kelas dan kaitannya dengan pencapaian akademik pelajar. Gaya pengajaran yang menarik dan berkesan mampu menarik minat pelajar terhadap pelajaran. Hal ini berdasarkan kajian oleh Omardin (1996), minat merupakan suatu perkara penting sebagai pemangkin kepada pelajar untuk bergiat aktif dan seronok dalam aktiviti pembelajaran. Ismail (1992) menyokong pernyataan tersebut dengan berpandangan minat terhadap sesuatu akan mendorong seseorang untuk meneroka dengan lebih mendalam. Selain itu, menurut Syazwani (2008) dalam kajiannya mengenegahkan pandangannya yang sama berkenaan corak pengajaran guru yang menarik mampu menjadi pembakar terhadap minat pelajar kepada pelajaran walaupun berada di luar kelas.

Kajian yang dijalankan oleh Siti Maria & Zamri (2016), ke atas punca penurunan pencapaian murid kelas KAFA dalam mata pelajaran Bahasa Arab yang menggunakan Model Gaya Pengajaran Grasha. Implikasi daripada hasil analisis kajian ini telah mendapati guru perlu lebih meningkatkan penguasaan gaya pengajaran Grasha yang lain selain gaya pakar yang sering diamalkan guru bagi memberi kesan terhadap minat pelajar dan pencapaian yang lebih memberangsangkan. Kebijaksanaan dan peranana gaya pengajaran guru sangat memberi impak terhadap pencapaian pelajar bahkan mampu mempengaruhi pembentukan akhlak pelajar. Berdasarkan pandangan Abu Bakar Nordin (2004), guru perlu memainkan peranan yang jitu dengan memperbaiki usaha bagi tujuan menambah baik mutu kualiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Keberkesanan proses pembelajaran memerlukan perancangan yang teratur dan bersistematik serta penuh dengan elemen-elemen yang menarik bagi mencapai objektif pembelajaran yang diinginkan (Khalid, 1993).

Selain itu, kajian oleh Khadijah Abdul Razak (2013), berkaitan dengan Gaya Pembelajaran pelajar dan tahap pencapaian dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dalam peperiksaan Penilaian Menengah rendah (PMR) yang mempengaruhi penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah di

Selangor. Dalam kajiannya mendapati gaya pembelajaran yang paling dominan digunakan oleh pelajar sekolah ialah gaya pembelajaran dorongan dan gaya pembelajaran permukaan menghasilkan keputusan yang baik dan ianya mewujudkan hubungan yang signifikan dengan penghayatan akhlak pelajar. Hal ini membuktikan bahawa peranan guru sebagai pendorong utama dalam penyampaian ilmu adalah menjadi keutamaan untuk mencapai hasrat Pendidikan Islam yang perlu dititik beratkan dan bukan hanya sebagai subjek pengajian sahaja semata-mata (Al-Attas (1999); Wan Mohd Nor Wan Daud (2004).

Selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang menekankan aspek kualiti guru, sebuah kajian tentang pementapan kemahiran guru dalam mendepani cabaran Abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas oleh Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Mohammad Zohir Ahmad (2017). Kajian ini menghasilkan Model Bersepadu Kemahiran Abad ke-21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran yang membantu dalam meningkat kualiti kemahiran pedagogi guru di dalam kelas. Selain itu, kajian mendapati kearifan professional guru merupakan elemen utama dalam menentukan keberkesanan kemahiran abad ke-21 dengan menggunakan kaedah pengajaran yang merangkumi pembelajaran secara koperatif, bilik darjah demokratik dan teknik motivasi yang bersesuaian. Kepakaran dan kebolehan guru dalam menggunakan teknik dan kaedah pengajaran yang berkesan adalah sangat penting bagi menghasilkan sesi pengajaran dan pembelajaran yang bermanfaat dan berkualiti tinggi bagi memandu masa depan pelajar yang cerah (Booth, 1993 ; Goodwin & Steven, 1993; Widad, 1998).

Komponen mata pelajaran al-Syariah Kurikulum Bersepadu Dini

Bahagian ini menjelaskan komponen di dalam mata pelajaran al-Syariah Kurikulum Bersepadu Dini dalam menekankan aspek pembentukan akhlak pelajar. Hal ini bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Islam di Malaysia yang bertujuan untuk membentuk manusia dengan nilai dan akhlak berteraskan agama Islam yang jitu dan kukuh. Mata pelajaran al-Syariah di dalam Kurikulum Dini yang dibangunkan adalah bagi membangunkan manusia ke arah akhlak mulia dan menghindar manusia dari perbuatan yang keji. Contohnya keperluan pembelajaran ilmu tentang ibadah solat yang diajarkan di dalam mata pelajaran ini adalah selari dengan objektif pembangunan akhlak remaja.

Firman Allah SWT:

Maksudnya : Sesungguhnya solat itu dapat mencegah diri daripada perbuatan keji dan munkar.

(Surah al-Ankabut, 29:45)

Kurikulum al-Syariah Bersepadu Dini

Berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (2016) meyebutkan bahawa pendidikan agama yang berkualiti tinggi dan kukuh serta memenuhi pasaran kerja merupakan salah satu aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia dalam membangunkan tahap pendidikan Agama Islam di Malaysia. Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), Gelombang 1 dalam perkara “Mengukuhkan laluan pendidikan agama” yang menyatakan :

“kementerian beriltizam menyediakan pendidikan agama berkualiti tinggi bagi melengkapkan murid dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan untuk berjaya dalam pasaran kerja berasaskan nilai dan tasawur Islam yang kukuh. Kementerian akan memperkukuhkan pelaksanaan kurikulum kebangsaan di sekolah agama dengan mengangkat Kurikulum Dini dan Tahfiz sebagai kurikulum kebangsaan serta menerapkan unsur-unsur agama ke dalam kurikulum kebangsaan”.

(Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025)

Justeru, bagi menggapai hasrat aspirasi negara dalam mengukuhkan tahap Pendidikan Agama Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bersama Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) dan Jabatan/ Yayasan Agama menyusun dan membina kurikulum agama-arab yang dikenali sebagai Kurikulum Dini/ Azhari. Kandungan Kurikulum Dini yang dipersetujui pada tahun 2015 ini salah satunya ialah mata pelajaran al-Syariah. Ia digubal dan digunakan di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) seluruh negara secara umumnya untuk memenuhi keperluan membina dan membentuk peribadi muslim yang berakhlak mulia yang memahami, mengamalkan dan menghayati Islam secara menyeluruh (DSKP al-Syariah, 2016).

Kurikulum al-Syariah ini terkandung di dalamnya lima cabang bidang iaitu bidang al-Quran

wa Hifz, bidang Fiqh Ibadah, Fiqh Mu'amalah, Fiqh Munakahat dan Fiqh Jinayat. Bidang al-Quran wa Hifz menurut *toriq* al-Syatibi daripada riwayat Hafis 'an 'Asim. Manakala rujukan bagi bidang Fiqh berdasarkan sumber rujukan *sahih* dan *mu'tabar*. Segala fakta yang dikemukakan berdasarkan kepada kefahaman Islam yang betul sebagaimana dibawa oleh Rasulullah S.A.W. Bagi menyelaraskan kefahaman dan amalan murid, segala bahan sokongan dan proses pembelajaran dan pengajaran dibina dan dilaksanakan berdasarkan fahaman Ahli al Sunah Wa al Jamaah dan pendapat yang muktabar daripada mazhab al-Syafie serta keputusan-keputusan yang diterima pakai daripada pihak berkuasa dalam urusan agama di Malaysia (DSKP KBD-Dini, 2016).

Berdasarkan silibus Kurikulum al-Syariah ini, kandungan sub topik di dalam bidang al-Quran wa Hifz merangkumi bacaan dan hafazan serta kefahaman makna ayat al-Quran pilihan. Manakala bidang Fiqh pula meliputi keseluruhan bab dalam syariat Islam bersandarkan rujukan yang disebutkan sebelum ini. Peruntukan masa pembelajaran Kurikulum al-Syariah Bersepadu Dini telah ditetapkan.

Fokus Kurikulum al-Syariah Bersepadu Dini

Fokus Pengajaran dan pembelajaran (PdP) kurikulum al-Syariah menekankan aspek ilmu, amali, amalan, penghayatan dan pembudayaan yang menunjukkan proses dalam pembentukan akhlak terpuji. Hal yang demikian adalah rangkuman proses pendidikan di dalam Islam yang menekankan guru sebagai pengajar (*mudarris*), penyampai ilmu (*mu'allim*), pembimbing nilai-nilai mulia (*mursyid*), agen pengasuh (*murabbi*) dan pembentuk adab (*mu'addib*) dalam usaha ke arah pembentukan akhlak pelajar (Kamarul Azmi Jasmi dan Ab Halim Tamuri, 2008). Berikut adalah maksud kepada setiap satu aspek tersebut yang terkandung di dalam kurikulum al-Syariah yang telah digariskan di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Kurikulum Bersepadu Dini (DSKP- KBD Dini, 2016):

- i. Ilmu
- ii. Amali
- iii. Amalan
- iv. Penghayatan
- v. Pembudayaan

Konsep dan Model Pembentukan Akhlak

Islam adalah agama yang menitik beratkan perkara berkenaan pembinaan dan pembentukan akhlak dan keperibadian mulia sama ada akhlak untuk diri bahkan kepada masyarakat. Akhlak membina diri insan agar menjadi seorang yang tunduk dan patuh kepada perintah dan larangan Allah s.w.t. Di samping memiliki sifat dalaman yang suci dari segi peribadi mahupun personaliti yang dipamerkan. Bahagian ini akan membincangkan tentang konsep akhlak dan model pembentukan akhlak Imam al-Ghazali.

Konsep Akhlak

Akhlak dapat diertikan dalam dua aspek iaitu dari sudut bahasa dan juga istilah. Berdasarkan definisi bahasa, perkataan akhlak terbit daripada perkataan bahasa arab di dalam bentuk *jamak* (banyak) yang berasal dari kalimah *khuluq* yang bermaksud kebiasaan, *tabi'at*, perilaku, maruah dan *al-Din* (agama) (Abd al-Latif, 1985). Pengertian yang sama juga diketengahkan oleh Harun Din (2001), Imran Efendy Hasibun (2003) dan Asmawati Suhid (2009) yang menyentuh tentang akhlak merupakan perkataan *jamak* daripada perkataan *khuluq* yang membawa maksud tingkah laku. Manakala Bugha (1997) menakrifkan tentang akhlak dengan sifat yang berada di dalam jiwa yang mempengaruhi sikap positif dan negatif yang wujud secara fitrah atau dengan usaha gigih. Ada juga pandangan yang menyatakan akhlak juga sama erti dengan sahsiah yang bermaksud keperibadian yang merupakan ciri karakter khas yang mencerminkan diri seseorang hasil dari pembentukan yang diterima sejak dari kelahiran (Sjarkawi, 2006).

Pengertian akhlak dari sudut pandangan istilah telah banyak diberi oleh sarjana-sarjana Islam. Muhammad Nasih Ulwan dalam terjemahan Jamaludin Miri (2007) mendefinisikan akhlak merupakan gabungan prinsip-prinsip moral, sikap dan tabiat yang dimiliki seterusnya menjadi kebiasaan sepanjang kehidupan seseorang individu yang bermula sejak dari kelahiran sehingga menjadi mukallaf. Akhlak, syariat dan aqidah merupakan pokok pangkal yang mencerminkan individu seseorang. Hal ini kerana tiga prinsip dalam Islam iaitu akidah, syariat dan akhlak saling berkait antara satu sama lain. Seseorang itu beriman apabila hidupnya taat dan teguh melaksanakan syariat yang akan menzahirkan perilaku dan sikap yang terbaik yang disebut dengan akhlak (Sofyan Sauri, 2006). Justeru itu, keimanan yang tinggi amat berkait dengan keperibadian diri seseorang (Asmawati Suhid, 2009).

Abd al-Latif (1985) mentakrifkan akhlak merupakan sifat yang muncul dari jiwa yang menterjemahkan dalam perlakuan dengan spontan atau mudah tanpa perlu difikirkan bahkan diusahakan. Selain itu, akhlak juga merupakan Sifat yang sedia ada sejak kelahiran, latihan berterusan dan rangsangan yang menjadikan tabiat meliputi dimensi zahir dan batin dalam perlakuannya (Nasir Omar, 1986; Asmawati Suhid, 2009). Hal ini sama dengan pandangan bahawa akhlak bermaksud budi pekerti, perangai, tingkahlaku (tabiat) dan adat kebiasaan (Rohizan et al., 2012). Ia juga boleh didefinisikan dalam dua bentuk akhlak iaitu akhlak Islam dan juga akhlak falsafah. Haron Din (2001) menyatakan akhlak Islam merupakan akhlak yang bersumber kepada al-Quran dan al-Hadis. Sementara akhlak falsafah pula merupakan daya usaha kemampuan atau nilai-nilai buatan manusia yang terhasil dari kapasiti anugerah Allah seperti akal, pancaindera dan lain-lain (Nasir Omar, 1986).

Abu Bakar al-Jazairi di dalam kitabnya *Minhajul Muslim* terjemahan oleh Fadli Bahri (2003) mendefinisikan bahawa akhlak merupakan lokasi yang berada di hati yang menjadi punca kepada tindakan yang benar atau salah dan tanpa dipaksa. Selari dengan pandangan Zakiah Darajat (1994); Sofyan Sauri, (2006) menyatakan akhlak merupakan kelakuan yang terserlah hasil dari hati, fikiran, perasaan, pengaruh dan kebiasaan yang bersatu membentuk tindakan tingkah laku dalam melaksanakan syariat berlandaskan keimanan. Berdasarkan hadis Nabi SAW yang bermaksud:

“Orang Mukmin yang paling sempurna Iman nya ialah yang paling baik Akhlaknya”

(HR al-Tirmizi & Ahmad)

Hadis di atas mengingatkan kita bahawa seorang mukmin yang sempurna iman dan akidahnya akan dibuktikan dengan baik akhlaknya. Hal ini bermaksud semakin tinggi keimanan seseorang kepada Allah maka semakin tinggi nilai perlakuannya dengan akhlak yang terpuji dan juga sebaliknya jika nilai akhlak seseorang itu buruk menunjukkan bahawa terdapat kekurangan pada imannya (Martan, 2020). Contoh suri teladan akhlak yang terbaik bagi umat sejagat adalah akhlak baginda Nabi Muhammad SAW.

Nabi Muhammad SAW diutus bagi membimbing manusia menjadi manusia yang berkeperibadi tinggi dan berakhlak mulia. Maksud

tersirat di dalam ayat di atas adalah seseorang manusia harus berperilaku dengan akhlak yang mulia berdasarkan contoh akhlak baginda Nabi Muhammad SAW. Akhlak mulia merupakan punca kuasa kepada amalan dan ketaatan dalam menjalankan syariat Islam berpandukan al-Quran dan al-Hadis baginda Nabi Muhammad SAW (Martan, 2020). Berdasarkan beberapa pandangan berkenaan pengertian akhlak boleh disimpulkan bahawa akhlak mengandungi empat aspek perhubungan sama ada hubungan dengan Allah SWT, hubungan dengan alam sekitar bahkan hubungan dengan diri sendiri dan masyarakat (Zulfahmi Syamsuddin & Wan Hasmah Wan Mamat, 2014)

III. METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini ialah menggunakan pendekatan kuantitatif. Menurut Othman Talib (2013), reka bentuk penyelidikan yang menggunakan pendekatan kuantitatif dijalankan untuk mendapatkan fakta dengan menggunakan pengukuran statistik dan numerik untuk menzahirkan sesuatu perkara serta menekankan pengukuran dan pencarian perkaitan di antara pemboleh ubah -pemboleh ubah.

Kajian ini merupakan kajian tinjauan menggunakan soal selidik guru untuk mengkaji amalan gaya pengajaran guru, strategi pelaksanaan kaedah pengajaran dan keberkesanan pengajaran syariah. Reka bentuk kajian di dalam kajian ini berbentuk kajian tinjauan. Menurut Fowler (2009), kajian berbentuk tinjauan adalah sesuai untuk memahami jiwa dan perasaan sesebuah masyarakat yang bersifat subjektif dengan bertanyakan beberapa soalan tentang maklumat diri yang akan menonjolkan pelbagai jawapan mengenai sikap dan situasi mereka. Melalui reka bentuk kajian tinjauan, pengkaji memilih sekumpulan subjek daripada populasi sebagai responden kajian, memungut maklumat daripada responden dan setrusnya

menganalisis maklumat tersebut untuk menjawab soalan kajian. Subjek kajian dipilih daripada populasi melalui prosedur persampelan rawak. Keputusan analisis digeneralisasi daripada subjek kepada seluruh populasi. (Chua Yan Piaw, 2006).

Oleh kerana objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti gaya pengajaran guru, tahap pencapaian, hubungan gaya pengajaran dan akhlak pelajar berdasarkan jantina, jenis sekolah, pendidikan pelajar dan ibu bapa, tahap sosioekonomi ibu bapa dan hubungan tahap pencapaian dengan pembentukan akhlak, maka kajian berbentuk tinjauan deskriptif dirasakan relevan bagi melakukan tinjauan yang mendapatkan sejumlah maklumat daripada pelajar Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Negeri Johor.

Kajian tinjauan dapat menyediakan penjelasan secara kuantitatif terhadap cara hidup, sikap atau pendapat populasi dengan mengkaji sampel populasi sampel tersebut. Daripada populasi sampel, penyelidik membuat generalisasi terhadap populasi yang dikaji (Cress Well, 2003). Dalam kajian ini, pengkaji ingin mendapatkan satu penjelasan yang tepat terhadap gaya pengajaran guru al-Syariah yang dapat membentuk akhlak pelajar SABK.

IV. DAPATAN KAJIAN

Penilaian Pelajar Terhadap Gaya Pengajaran Guru

Jadual 1 Penilaian pelajar terhadap gaya penyampaian guru

Item	n (%)				
	1 STS	2 TS	3 SdS	4 S	5 SS
A Gaya Pengajaran Guru dan Pencapaian					
1 Gaya penyampaian guru yang menarik menjadikan saya minat terhadap pelajaran al-Syariah	0 (0)	3 (1.1)	43 (15.5)	111 (40.1)	120 (43.3)
2 Guru al-Syariah sentiasa memberi input yang jelas sebagai panduan dalam kehidupan saya	0 (0)	0 (0)	24 (8.7)	101 (36.5)	152 (54.9)
3 Cara guru mengajar membantu kefahaman saya dalam menjawab soalan peperiksaan	0 (0)	0 (0)	35 (12.6)	113 (40.8)	129 (46.6)

4	Nota dan isi penting yang diberi guru memudahkan saya menjawab peperiksaan	0 (0)	0 (0)	35 (12.6)	82 (29.6)	160 (57.8)
B Pencapaian dan akhlak						
5	Pencapaian bacaan dan hafazan al-Quran menjadikan saya yakin untuk menjadi imam solat	1 (4)	7 (2.5)	62 (22.4)	111 (40.1)	96 (34.7)
6	Saya bersungguh-sungguh menjawab peperiksaan dan mengaplikasikan ilmu dalam kehidupan	2 (0.7)	0 (0)	36 (13.0)	123 (44.4)	116 (41.9)
7	Saya sedar bahawa taat kepada ibu bapa dan guru memudahkan saya mencapai keputusan cemerlang	0 (0)	0 (0)	2 (0.7)	29 (10.5)	246 (88.8)
8	Saya merasa berdosa jika tidak melakukan tugas yang diamanahkan dengan sempurna	2 (0.7)	2 (0.7)	20 (7.2)	74 (26.7)	179 (64.6)
C Gaya Pengajaran Guru dan Akhlak						
9	Aktiviti yang dijalankan oleh guru menjadikan saya bermotivasi untuk mengamalkan akhlak mulia	0 (0)	2 (0.7)	28 (10.1)	101 (36.5)	146 (52.7)
10	Gaya pengajaran guru di dalam kelas memberikan saya kefahaman yang jelas terhadap pelajaran.	0 (0)	3 (1.1)	29 (10.5)	127 (45.8)	118 (42.6)
11	Gaya pengajaran guru menjadikan saya tenang dan selesa ketika belajar di dalam kelas	2 (0.7)	6 (2.2)	41 (14.8)	111 (40.1)	117 (42.2)
12	Saya sedar tugas yang diberikan guru adalah untuk melatih diri saya bertanggungjawab	0 (0)	2 (0.7)	13 (4.7)	70 (25.3)	192 (69.3)

Bagi item A analisis gaya pengajaran guru dan pencapaian pelajar, data menunjukkan tiada pelajar yang menyatakan sangat tidak setuju dan tidak setuju terhadap gaya pengajaran guru. Majoriti pelajar seramai 120 orang (43.3 peratus) menyatakan bahawa gaya penyampaian guru yang menarik menjadikan pelajar minat terhadap matapelajaran al-Syariah, begitu juga majoriti pelajar sangat setuju 152 orang (54.9 peratus) bahawa guru al-Syariah sentiasa memberi input yang jelas sebagai panduan dalam kehidupan pelajar. Bagi item cara guru mengajar membantu kefahaman pelajar dalam menjawab soalan peperiksaan, pelajar sangat setuju untuk item ini. Begitu juga majoti pelajar seramai 160 orang (57.8 peratus) menyatakan bahawa nota da nisi penting yang diberi oleh guru memudahkan pelajar menjawab peperiksaan.

Bagi item B pencapaian dan akhlak pelajar, majoriti pelajar 111 (40.1 perarus) menjawab pencapaian bacaan dan hafazan al-Quran menjadikan pelajar untuk menjadi imam. Item paling tinggi pelajar menyatakan sangat setuju adalah seramai 246 (88.8 peratus) menyatakan bahawa taat kepada ibu bapa dan guru memudahkan untuk mereka mencapai keputusan yang cemerlang.

Bagi item C gaya pengajaran guru dan akhlak, tiada pelajar yang tidak bersetuju bagi item no 9, 10 dan 11. Majoriti pelajar menyatakan bahawa gaya pengajaran guru menjadikan pelajar bermotivasi, memberi kefahaman dan melatih pelajar menjadi seorang yang bertanggungjawab

Analisis hubungan antara gaya penyampaian guru dengan akhlak pelajar

Hubungan antara gaya pengajaran guru dengan akhlak pelajar

Tahap pencapaian	Min(Sisihan piawai)	b(95% CI)	Nilai P^a
Akhlak Gaya Penyampaian	201.81(15.68) 52.81(5.97)	1.57(1.32, 1.82)	<0.001

^a Simple Linear Regression

Jadual 4.8 menghuraikan hubungan antara gaya penyampaian guru dengan akhlak pelajar. Analisis Simple Linear Regression menunjukkan terdapat perkaitan antara gaya penyampaian guru dengan akhlak pelajar ($p < 0.001$). Ujian juga menunjukkan gaya pengajaran berkait secara positif ($b = 1.57$) dengan akhlak pelajar.

Hubungan penyampaian guru dengan akhlak pelajar sering mendatangkan perdebatan di dalam kajian pendidikan. Hasil kajian mendapati terdapat perkaitan yang signifikan antara gaya pengajaran guru dengan akhlak pelajar ($p < 0.001$). Hasil kajian ini adalah selari dengan kajian yang dijalankan oleh Samjural Mokoagow (2021) di mana beliau mendapati guru dapat mempengaruhi pelajar melalui perbuatan dan tingkah laku yang ditunjukkan serta komunikasi yang digunakan (Wulan Vitasari, 2021). Kenyataan ini disokong oleh Mohd Fadzilah (2005) yang mengatakan bahawa anak-anak akan bertindak mengikut contoh orang dewasa terutama ibu bapa dan juga guru. Guru perlu mempunyai karektor *murabbi* bagi melahirkan akhlak pelajar yang berkualiti (Khairudin Abdullah, 2016). Razila Kasmin

(2019) mengatakan bahawa pembelajaran yang berkualiti dilahirkan daripada guru yang mempunyai sikap terbuka, proaktif, produktif, menguasai kemahiran teknologi dan komunikasi yang berkesan.

Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh Arasaythamby Vello et.al (2014) mendapati hasil yang sebaliknya. Dalam kajiannya, beliau mendapati gaya pengajaran guru tidak mempengaruhi masalah disiplin dalam kalangan pelajar ponteng sekolah. Sebaliknya, faktor diri sendiri adalah paling utama. Hal ini berkait rapat dengan kawalan sendiri, seperti yang dinyatakan oleh Nurmaimanah Ab Jalil (2015), kawalan sendiri dalam kalangan pelajar mampu meningkatkan kualiti seorang pelajar.

V. KESIMPULAN

Islam adalah agama yang menitik beratkan perkara berkenaan pembinaan dan pembentukan akhlak dan keperibadian mulia sama ada akhlak untuk diri bahkan kepada masyarakat. Akhlak membina diri

insan agar menjadi seorang yang tunduk dan patuh kepada perintah dan larangan Allah s.w.t. Di samping memiliki sifat dalaman yang suci dari segi peribadi mahupun personaliti yang dipamerkan.

RUJUKAN

- [1] Asmawati Suhid. (2009). Pendidikan Akhlak dan Adab Islam Konsep dan Amalan. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- [2] Asmawati Suhid. (2009). Pendidikan Akhlak dan Adab Islam Konsep dan Amalan. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- [3] Awaliyah, T., & Nurzaman, N. (2018). Konsep Pendidikan Akhlak Menurut Sa'id Hawwa. *Jurnal Penelitian Pendidikan Islam*, [SL], 6(1), 23-38.
- [4] Azizi Yahya et. al. 2009. Discipline Problem Among Secondary School Students in Johor Bahru, Malaysia. *European Journal of Social Sciences*. Volume 11, Number 4.
- [5] Azyyati Mohd Nazmi, Fariza Md. Sham & Salasiah Hanin Hamjah. 2013. Ciri-ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Badruzaman Bin Baharom. 2006. Persekitaran Keluarga Dan Kesannya Terhadap Tingkah laku Devian Remaja Di Daerah Pontian, Johor. Latihan Ilmiah. Universiti Teknologi Malaysia.
- [6] Basirah binti Abu Bakar, Mohd Yakub@Zulkifli bin Mohd.Yusoff, & Muhamad Ali Hanafiah bin Norasid. (2018). Manhaj al-Quran Mengenai dakwah terhadap remaja: Satu kajian bibliometrik. *QURANICA -International Journal of Quranic Research*, 10(2), 89–108.
- [7] Che Hasniza Che Noh. 2004. Hubungan Keluarga Dari Aspek Komunikasi Dan Gaya Keibubapaan. Latihan Ilmiah. Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) Kuala Terengganu, Terengganu
- [8] Fatimah Binti Ali. 2007. Masalah Sosial Pelajar Dan Hubungannya Dengan Kemerosotan Pembelajaran. *Jurnal Usuluddin* 25: 145-154.
- [9] Fauzan, A. S., & Mohamad, S. (2017). Kesan Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *Al-Turath Journal Of Al-Quran And Al-Sunnah*, 2(2), 54-59.
- [10] Fauziah Ibrahim. 2009. Dadah dan Pembangunan Belia: Antara Cabaran dan Peranan. Nobaya Ahmad dan Haslinda Abdullah. Belia dan Pembangunan Modal Insan. Penerbit UPM, Serdang Selangor.
- [11] Mustaffa, M. (2010). Hafazan al-Quran dan hubungannya dengan kecemerlangan pelajar: kajian di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Pulau Chondong, Kelantan dari tahun 1997 hingga 2007/Muhaidi Hj. Mustaffa (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- [12] Noor Erma Abu & Leong, K. E. 2014. Hubungan antara sikap, minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1):1-10.

AUTHOR'S INFORMATION

<p>First Author: Nurul Osman bin Samurah</p> 	<p>Akademi Pengajian Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, JohorBahru, Johor, Malaysia</p> <p>E-mail: osemansam@gmail.com</p>
<p>Siti Nabilah binti Che Soh</p> 	<p>Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Johor</p> <p>E-mail: nabilahchesoh87@gmail.com</p>